

Tarikh dibaca: 18 Jun 2021M | 07 Zulqa'dah 1442H



جَابَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“JALAN KELUAR MENEMPUH UJIAN
DAN DUGAAN”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“JALAN KELUAR MENEMPUH UJIAN DAN DUGAAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى
فَاكْتُبُوهُ... ﴿٢٨٢﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan para hadirin sekalian, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan setiap larangan serta tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Baqarah : 282.

² Ali Imran : 102.



Tajuk khutbah kita pada minggu ini adalah **“JALAN KELUAR MENEMPUH UJIAN DAN DUGAAN.”**

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Kehidupan dunia adalah kehidupan yang sementara. Kehidupan yang sebenarnya adalah kehidupan akhirat yang pasti kekal selama-lamanya. Sebenarnya kehidupan di dunia ini adalah ujian bagi setiap manusia dan masing-masing akan menerima ujian dari Allah SWT sama ada dalam bentuk kesusahan atau pun kesenangan.

Kita hari ini sedang berdepan ujian yang berbentuk kesusahan, ketakutan, dilanda wabak penyakit, kematian, kemiskinan, kehilangan harta benda dan kemerosotan ekonomi. Kita sebagai umat Islam seharusnya menempuh semua ini dengan penuh kesabaran dan sepatutnya menerima segala yang berlaku ini sebagai peringatan penting untuk kita terus mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu yang sepatutnya, amalan-amalan soleh yang menguatkan jiwa dan juga persediaan-persediaan lain yang akan membantu kita untuk meneruskan kehidupan yang sejahtera.

Dengan keadaan sekarang, ramai antara kita yang hilang pekerjaan dan hilang punca pendapatan. Ini sememangnya ujian buat kita semua, bukan hanya di Malaysia tapi seluruh dunia mengalaminya. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 155-157:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ
وَالشَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا



إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta (kekurangan) hasil tanaman, dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar; (laitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan (musibah), lalu mereka berkata: ‘Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami akan kembali.’ Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk hidayah-Nya.”

Saudara-saudaraku sidang Jumaat yang dikasihi,

Dalam kita menghadapi ujian dan musibah dari Allah SWT, seharusnya kita segera beringat serta memohon keampunan dari-Nya dan memohon kepada-Nya agar kita dihindarkan dan diselamatkan daripada ujian serta musibah yang berterusan. Jangan sekali-kali kita berputus asa dari rahmat Allah dan ingatlah bahawa kita disuruh untuk berikhtiar serta berusaha sepenuh kemampuan kita untuk keluar dari kemelut dan musibah yang melanda.

Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya bersyukur atas kesungguhan pihak kerajaan yang begitu prihatin dalam membendung penularan wabak COVID-19 ini dan seterusnya melancarkan pelbagai inisiatif untuk membantu segenap lapisan rakyat. Mudah-mudahan segala usaha dan tindakan pihak



kerajaan dapat membuahkan hasil yang baik. Oleh itu, mimbar ingin menyeru bahawa setiap dari kita seharusnya turut sama membantu dengan mengambil langkah untuk menjaga kesihatan diri dan keluarga dengan mengikuti SOP yang telah ditetapkan. Disamping itu kita juga harus bertanggungjawab terhadap kesejahteraan kewangan kita dan isi rumah kerana hanya kita yang lebih mengetahui sejauh mana kestabilan kewangan untuk kita meneruskan kehidupan yang selesa bersama keluarga tercinta. Ramai dalam kalangan kita yang terkesan dan terjejas sumber pendapatannya yang seharusnya perlu disusun semula kewangan isi rumah agar lebih stabil dan berdaya tahan.

Bagi individu yang memiliki perniagaan pula, pengurusan kewangan untuk perniagaan juga amat penting bagi memacu perniagaan agar terus berjalan dan pada masa yang sama dapat melindungi sumber pendapatan dan kebajikan pekerja-pekerja.

Muslimin yang dikasihi sekalian,

Sehubungan itu, sekiranya ada dalam kalangan kita yang masih berhadapan dengan masalah kewangan atau yang berkaitan dengan pinjaman, silalah berhubung dengan pihak yang berkaitan sama ada Bank Negara Malaysia, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit atau pun institusi lain yang berkenaan. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyediakan tips-tips pengurusan kewangan yang berhemat, modul-modul pembelajaran bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan individu dan mereka juga menyediakan khidmat kaunseling dan pengurusan kewangan kepada individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar. Khidmat-khidmat ini adalah percuma kepada semua individu dan PKS dan ia boleh didapati di laman web rasmi AKPK iaitu www.akpk.org.my. Semoga dengan usaha dan



tindakan yang cepat ini akan membantu kita untuk mendapat kesejahteraan kewangan dan keselesaan kehidupan.

Hadirin Jumaat yang dikasihi,

Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan penghayatan agar dijadikan pedoman dan panduan kita. Antaranya ialah:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa disebalik ujian dan dugaan itu ada hikmah yang tersendiri yang hanya Allah SWT sahaja yang mengetahuinya.
2. Umat Islam hendaklah tahu bahawa disebalik kesusahan dan kesempitan hidup yang dihadapi itu ada pihak atau agensi yang dapat membantu untuk meringankan beban yang dihadapi.
3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa sesuatu musibah yang terjadi itu adalah kehendak Allah SWT yang menuntut kesabaran dan ketakwaan kita agar dikurniakan jalan keluar yang terbaik.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkeabajikan) dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan) dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).”
(Surah ali Imran : 200).



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi S.O.P dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا
قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ
الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.
وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ



الحاج ابن المرحوم سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعَكُوْا اَمِيْرَ شَاهِ اِبْنِ
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فِلَسْطِينَ اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ
عَلَى قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ
وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.
رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.